

## SURAH WANITA YANG DIUJI



Surah: 60 Juzuk: 28 Bil. Ayat: 13

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan musuhKu dan musuh kamu menjadi pelindung, dengan cara kamu menyampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad) kerana hubungan baik dan kasih sayang di antara kamu dengan mereka, sedangkan mereka telah ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang disampaikan kepada kamu. Mereka pula telah mengusir Rasulullah (s.a.w) dan juga mengusir kamu (dari Tanah Suci Mekah) disebabkan kamu beriman kepada Allah. (Janganlah kamu berbuat demikian) jika benar kamu keluar untuk berjihad di jalanKu dan untuk mencari keredaanKu. (Tidak ada faedah) kamu mengadakan hubungan baik dengan mereka secara rahsia, sedangkan Aku amat mengetahui apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan. Dan (ingatlah), sesiapa di antara kamu yang melakukan perkara yang demikian, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ  
أَوْلِيَاءَ تَلْقَوْنَ إِلَيْهِمْ بِالْمُؤَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُمْ  
مِنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَنْ تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ  
رَبِّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ حَرَجْتُمْ جِهَادًا فِي سَبِيلِي وَاتِّعَاءَ  
مَرْضَاتِي لُيَسَّرُونَ إِلَيْهِمْ بِالْمُؤَدَّةِ وَأَنَا أَعْلَمُ  
بِمَا أَحْفَيْتُمْ وَمَا أَعْلَنْتُمْ وَمَنْ يَفْعَلْهُ مِنكُمْ  
فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ﴿١﴾

2. Jika mereka dapat mengalahkan kamu, pasti mereka menjadi musuh-musuh yang membahayakan kamu, dan mereka akan melepaskan tangan dan lidah mereka untuk mencaci kamu, serta mereka suka jika kamu juga menjadi kafir (seperti mereka).

إِنْ يَشْفَوْكُمْ يُكَفِّرُوا لَكُمْ أَعْدَاءَ وَيَبْسُطُوا إِلَيْكُمْ  
أَيْدِيَهُمْ وَالْأَسِنَّةَ بِالسُّوءِ وَوَدُّوا لَوْ  
تَكْفُرُونَ ﴿١﴾

3. Kaum kerabat kamu dan anak-anak kamu tidak sama sekali mendatangkan sebarang manfaat kepada kamu pada hari kiamat. Allah akan memisahkan kamu semua (pada hari itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan.

لَنْ تَنْفَعَكَ أَرْحَامُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
يَفْصَلُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ يَمَّا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾

4. Sesungguhnya adalah bagi kamu apa yang dibawa oleh Ibrahim (a.s) dan pengikutnya contoh ikutan yang baik, semasa mereka berkata kepada kaumnya (yang kafir): «Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa yang kamu sembah selain daripada Allah. Kami ingkar (segala penyembahan) kamu dan nyatalah permusuhan dan kebencian di antara kami dengan kamu selama-lamanya, sehingga kamu menyembah Allah», kecuali perkataan Ibrahim kepada bapanya: «Aku akan memohon kepada Tuhanku agar mengampunkan dosamu, dan aku tidak berkuasa menahan (azab) Allah daripada menimpamu».

فَدَكَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ  
مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَاءُ مِنْكُمْ وَمِمَّا  
تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَهَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا  
وَبَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا  
بِاللَّهِ وَحْدَهُ ۗ وَالْأَقْوَلُ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ  
لَكَ وَمَا أَمْلِكُ لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ رَبَّنَا  
عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنبَأْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٣﴾

(Berdoalah wahai orang yang beriman sebagaimana Ibrahim dan pengikutnya berdoa ketika mereka memusuhi kaumnya yang kafir, dengan berkata): «Wahai Tuhan kami! Hanya kepadaMu kami bertawakal, dan kepadaMu kami bertaubat, serta kepadaMu kami kembali.

5. «Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami sasaran fitnah kepada orang kafir dan ampunkanlah dosa kami wahai Tuhan kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana».
6. Sesungguhnya pada mereka (Ibrahim dan pengikutnya itu) ada contoh ikutan yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan hari akhirat. Dan sesiapa yang berpaling daripada mencontohi mereka, (maka padahnya akan menimpa dirinya sendiri), kerana sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.
7. Moga-moga Allah menimbulkan kasih sayang di antara kamu dengan orang yang pernah kamu musuhi di kalangan mereka. Allah Maha Berkuasa (atas setiap sesuatu) dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا وَاعْفُ رَنَا رَبَّنَا  
إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٥﴾

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا  
اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ  
الْحَمِيدُ ﴿٦﴾

﴿٧﴾ عَسَى اللَّهُ أَن يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُمْ  
مِنْهُمْ مَّوَدَّةً وَاللَّهُ قَدِيرٌ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

8. Allah tidak melarang kamu daripada melakukan kebaikan dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.
9. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu daripada menjadikan orang yang memerangi kamu kerana urusan agama, dan mengusir kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu, sebagai pelindung kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka sebagai pelindung, maka mereka itulah orang yang zalim.
10. Wahai orang yang beriman! Apabila perempuan-perempuan yang beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka. Allah lebih mengetahui keimanan mereka. Maka sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka benar-benar beriman, janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang yang kafir. Mereka tidak halal bagi orang kafir itu (sebagai isteri), dan orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami) serta berilah kepada suami (yang kafir) itu apa

لَا يَنْهَىكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ  
وَلَمْ يُخْرِجُواكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَنُقِصُوا  
إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

إِنَّمَا يَنْهَىكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ  
وَأَخْرَجُواكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَهَرُوا عَلَيْكُمْ إِخْرَاجَكُمْ  
أَنْ تَوَلَّوهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُؤْمِنَاتُ مُهَاجِرَاتٍ  
فَأَمْتَحِنُوهُنَّ ۗ إِنَّهُنَّ عَلِمْنَ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ  
مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَجْعِلنَّ لَهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَهَنًا ۚ لَهُنَّ  
وَلَا لَهُنَّ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَءَا تَوَاهِرُهُنَّ مَا أُنْفَقُوا وَلَا جُنَاحَ  
عَلَيْكُمْ أَنْ تَنْكِحُوهُنَّ إِذَا ءَاتَيْنَهُنَّ أَجُورَهُنَّ  
وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكُفَّارِ وَاسْتَأْذِنُوا ۚ إِنَّمَا أُنْفَقُوا  
وَلَيْسَتْ لَهُنَّ مَا أُنْفَقُوا ذَلِكَ كَمَا حُكِمَ اللَّهُ بِحِكْمٍ بَيْنَكُمْ  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

yang mereka telah nafkahkan (mahar yang telah dibayar). Tidak menjadi kesalahan jika kamu berkahwin dengan mereka (perempuan yang berhijrah itu) apabila kamu memberikan mereka mas kahwinnya. Dan janganlah kamu (wahai orang Islam) tetap berpegang kepada akad perkahwinan kamu dengan perempuan yang kafir, dan mintalah balik mas kahwin yang kamu telah berikan, dan biarkanlah mereka (suami yang kafir itu) meminta balik apa yang mereka telah nafkahkan. Demikianlah hukum Allah yang ditetapkanNya di antara kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

11. Dan sekiranya kamu tidak dapat menerima balik sesuatu daripada mas kahwin isteri kamu (yang menjadi murtad serta) melarikan diri ke pihak orang kafir, kemudian kamu menyerang puak yang kafir itu serta mendapatkan harta rampasan, maka berikanlah kepada orang yang isterinya lari itu sebanyak mas kahwin yang mereka telah berikan.<sup>(1)</sup> Dan bertakwalah kamu kepada Allah yang kepadaNya kamu beriman.
12. Wahai nabi! Apabila perempuan-perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi

وَأِنْ فَانَكُوتِيءٌ مِّنْ أَرْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ  
فَعَاقِبْتُهُمْ فَأَتُوا الَّذِينَ دَهَبَتْ أَرْوَاجُهُمْ مِّثْلَ  
مَا أَنْفَقُوا وَأَتَفَعُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَى  
أَنْ لَا يُسْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ

1 Sebelum ghanimah dibahagikan kepada lima golongan yang berhak, dibayar lebih dahulu mas kahwin kepada suami-suami yang isteri-isteri mereka lari ke daerah kafir.

pengakuan taat setia, bahwa mereka tidak akan mensyirikkan Allah dengan sesuatupun, dan mereka tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berdusta yang mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka (perut mereka) dan tidak akan menderhaka kepadamu, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah keampunan kepada Allah supaya mengampuni dosa mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

13. Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan mana-mana kaum yang dimurkai Allah sebagai pelindung kamu, sesungguhnya mereka telah berputus asa daripada mendapat kebaikan di akhirat, sebagaimana orang kafir yang berada dalam kubur juga berputus asa.

وَلَا يَفْتَنَنَّ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِيَنَّ بِهِنَّ  
يَفْتَرِيْنَهُ. بَيْنَ أَيْدِيْهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا  
يَعْصِبَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبِأَعْيُنِهِمْ وَأَسْتَعْفِفْ  
لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللَّهُ  
عَلَيْهِمْ قَدْ يَدْبَسُوا مِنَ الْآخِرَةِ كَمَا يَبِيسُ  
الْكُفَّارُ مِنَ أَصْحَابِ الْقُبُورِ ﴿١٣﴾

